



SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan IKHLAS

شرح حديث رياض الصالحين

7.5
IA

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....
**© PESAN-PESAN IKHLAS
SYARAH HADIS RIYADUS
SOLIHIN**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, Ogos 2021
Cetakan Kedua, Januari 2022
Cetakan Ketiga, Jun 2022

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka
Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-19111-6-7

Muka Taip Teks: Century Gothic
Saiz Muka Taip: 11

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
No. 9108, Jalan Kerdas 1,
53100 Gombak, Kuala Lumpur
011-20907008
pustakapermataummah@gmail.com

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
26-28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8940 5595



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Ustaz Muhammad Khalil Abdul Hadi
Tuan Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Mohd Adram Musa

PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

PENGURUS

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITOR

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin

JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN

Tasneem Zainol

JABATAN PEMASARAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

JABATAN JUALAN & HUBUNGAN

PELANGGAN


Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahin

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Nur Hafizah Ibrahim

JABATAN PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali





SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan

IKHLAS

شرح حديث رياض الصالحين

PUSTAKA PERDANA



1013305

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



PERDANA
PUBLISHING
TATASAN
200801020

ISI KANDUNGAN

Hakikat Ikhlas Dalam Kehidupan	6
Setiap Amalan Bergantung Kepada Niat	16
Setiap Orang Dibangkitkan Sesuai Dengan Niat Masing-Masing	28
Tiada Lagi Hijrah Selepas Pembukaan Kota Makkah	37
Ganjaran Pahala Jihad Untuk Mereka Yang Uzur	52
Pahala Sedekah Sesuai Dengan Niatnya	61
Keazaman Menginfaqkan Harta Di Jalan Allah SWT	64
Hati Yang Mencerminkan Harga Diri Manusia	74
Matlamat Jihad Yang Benar Di Sisi Allah SWT	80

Pembunuh Dan Mangsa Yang Dibunuh Dimasukkan Ke Dalam Neraka	88
Kelebihan Solat Berjemaah Di Masjid	92
Rahmat Allah SWT Bergantung Niat Para Hamba-Nya	97
Tawasul Dengan Amalan Soleh	100



KATA PENERBIT

Segala puji hanya selayaknya bagi Allah 'Azza wa Jalla, Tuhan Pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mulia, juga ke atas ahli keluarga Baginda, para sahabat, serta sesiapa sahaja yang mengikuti jejak langkah Baginda hingga hari perhitungan.

Alhamdulillah, sekali lagi pihak Pustaka Permata Ummah (PPU) berhasil menerbitkan siri seterusnya bagi karya Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang. Naskhah ini merupakan huraian oleh penulis dalam sesi Kuliah Dhuha berpandukan kitab *Riyadus Solihin* susunan al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RH.

Jika sebelum ini, pihak penerbit telah menerbitkan karya *Pesan-Pesan Sabar*, kali ini pula merupakan huraian berkisar hadis-hadis berkenaan ikhlas. Huraian yang dijelaskan adalah secara santai dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh seluruh lapisan masyarakat sebagai panduan dalam memahami kalam dan bicara Rasulullah SAW.

Buku yang dihasilkan kali ini merupakan hasil transkripsi daripada rakaman kuliah Tuan Guru pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila, Marang. Kemudian, bahan tersebut melalui proses suntingan secara berperingkat, termasuklah proses semakan syariah dan semakan bahasa.

Pihak editorial juga berusaha menambah baik persembahan buku dengan memasukkan pengajaran bagi setiap hadis yang dihuraikan. Pihak editorial merujuk kepada beberapa karya para ulama' seperti ***Nuzhah al-Muttaqin*** dan juga ***Bahjah al-Nazirin***.



Akhir sekali, semakan akhir disempurnakan oleh Tuan Guru dengan penambahan kandungan huraian dan juga isi penting bagi menambah nilai ilmu dalam memahami hadis-hadis yang telah diterangkan. Maka, semua pembaca akan menikmati kefahaman daripada hadis dengan mudah dan tuntas.

Pihak penerbit juga berusaha untuk mengeluarkan pengajaran atau kefahaman asas (*fiqh al-hadith*) daripada hadis yang telah dihuraikan. Lebih menarik lagi, huraian hadis-hadis turut diselitkan dengan kisah-kisah tertentu dan pedoman dalam berakhlak mulia. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

"Sesungguhnya, aku diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."


Riwayat Ahmad 8952 dan lain-lain

Justeru, melalui siri tulisan ***al-Bayanul Mubin Syarah Riyadus Solihin*** kali ini, kami menghidangkan huraian hadis daripada bab ikhlas. Ikhlas merupakan salah satu daripada sifat-sifat mulia bagi menyempurnakan ibadat dan menjadi syarat diterima segala amalan soleh.

Mudah-mudahan, karya kali ini memberikan kefahaman yang jelas dalam membina keperibadian sebagai seorang Muslim yang sebenar dan mendekatkan lagi para pembaca dengan kalam nabawi. Sekali gus, menjadikan kita lebih cinta kepada Rasulullah SAW sebagai qudwah.

Selamat membaca!

Pustaka Permata Ummah



“Ikhlas merupakan suatu perbuatan yang menghadirkan niat dalam amalan, perkataan, dan keadaan sama ada secara nyata mahupun tersembunyi. Perkara ini menunjukkan bahawa ikhlas itu perlu diniatkan supaya pelakunya akan mendapat pahala.”

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله وكفى بالله شهيدا. والصلاة والسلام على حبيبنا وشفيعنا وقدوتنا محمد الرحمة المهدي والنعمة المسدي، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ومن والاه. أما بعد:

Sewaktu meneruskan Kuliah Dhuha pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila, Marang, saya telah memilih untuk mengajar kitab *Riyadus Solihin* karangan Imam al-Nawawi RH.

Kebetulan kitab ini merupakan salah satu kitab warisan ayah saya yang sudah lama dicetak. Kemudian, saya dihadihkan senaskhah kitab lagi oleh Syeikh 'Umar Taha RH, kawan ayah saya dan seorang ulama' di Makkah yang pernah menjadi qadi di Kemaman, Terengganu sekitar tahun 1940-an. Ketika itu, beliau membawa kitab *Riyadus Solihin* untuk dihadihkan kepada saya.

Selain itu, saya sekali lagi dihadihkan kitab dengan judul yang sama oleh Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni RH, seorang ulama' Syria yang terkenal. Kitab itu dihadihkan kepada saya ketika beliau datang berkunjung ke Pejabat Agung PAS, bersama beberapa kitab hadis lain yang terkandung dalamnya syarah dan *ta'liq* (komentar) beliau

yang sangat saya hargai. Beliau sendiri menulis dan mencatat pada halaman kitab yang dihadiahkan, ia menjadi satu hadiah yang sangat bermakna.


Saya memilih kitab ini untuk dijadikan bahan kuliah hadis bersempena ketokohan pengarang kitab, iaitu Imam al-Nawawi RH yang merupakan seorang ulama' mu'tabar yang diterima oleh semua ulama'.

Penerimaan terhadap kitab beliau tidak mengira sama ada ulama' salaf mahupun khalaf yang merangkumi semua mazhab; baik mazhab aqidah, mazhab fiqh hatta mazhab tasawuf.

Imam al-Nawawi RH meninggal dunia pada usia yang sangat muda, sekitar umur 40-an. Beliau telah menulis kitab yang sangat banyak dan penuh keberkatan. Beliau bukan sahaja seorang ahli dalam ilmu-ilmu yang ditulis, pada masa yang sama, beliau beramal dan berjuang dengan ilmu yang ada pada dirinya. Sikap beliau berani menyuruh kepada perkara ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Kitab *Riyadus Solihin* ialah sebuah kitab yang sangat berkat dan ilmu yang terkandung dalamnya juga sangat berkat, ditulis oleh seorang ulama' yang meninggalkan keberkatan kepada umat Islam. Seheinggakan, para ulama' Asya'irah, Maturidiyyah, Wahhabi dan Salafi mengiktiraf keilmuan Imam al-Nawawi RH.

Ini suatu perkara yang sangat menarik kerana karya beliau dibaca oleh semua aliran ulama'. Ulama' yang berselisihan pendapat membaca kitab Imam al-Nawawi RH, sama ada kitab fiqh mahupun kitab hadis yang dikarang khusus oleh beliau iaitu *Riyadus Solihin*.



Kitab *Riyadus Solihin* mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan akhlak atau moral dan segala aspek yang lain. *Riyadus Solihin* bererti 'Kebun-kebun bagi Orang-orang yang Soleh.'

Sekiranya hendak dicatatkan semua perkara pasti kesuntukan masa, maka rakan penerbit iaitu Pustaka Permata Ummah menaqqalkan apa yang telah disebutkan dalam kuliah yang dirakam dalam kaset atau video. Kemudian, bahan tersebut ditulis semula dan disemak oleh saya dengan pembedulan ayat-ayat, daripada ayat percakapan menjadi tulisan untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan umat Islam.

Hadis berfungsi mentafsirkan al-Quran al-Karim dan mentafsirkan hadis-hadis yang lain, dengan keseluruhan hadis dalam kitab *Riyadus Solihin* merupakan hadis yang sahih atau hasan, hadis yang boleh dijadikan hujah. Jika terdapat hadis-hadis daif yang mendukungnya, ia termasuk dalam kategori targhib dan tarhib, menggalakkan untuk beramal. Ia dibenarkan oleh para ulama'.

Tiada hadis yang palsu dimuatkan. Jika hadis yang lemah, hanya lemah dari segi perawinya sahaja, bukan hadis tersebut. Walaupun terdapat hadis daif, ia disokong dengan hadis lain, maka hadis itu menjadi kuat dan sampingan.

Besar harapan saya agar hasil yang diterbitkan ini akan memberikan manfaat kepada para pembaca, termasuk mereka yang menyampaikan kuliah dan mendengar supaya menjadi ilmu yang memberikan manfaat.

Moga ilmu yang terkandung dalam karya kali ini dimanfaatkan oleh semua pihak untuk menjadi bekal sebagai makanan roh dan akal. Agar kemudiannya, ia mengarahkan jasad untuk mengerjakan amal soleh yang menjadi bekal di dunia hingga akhirat yang kekal abadi.

Mudah-mudahan, usaha ini diterima oleh Allah SWT dan mendapat ganjaran pahala buat diri saya, ibu bapa saya yang telah meninggal dunia dan rakan-rakan yang berkhidmat untuk menyempurnakan usaha yang murni ini. Saya berharap agar semua dikurniakan keikhlasan oleh Allah SWT.

Al-Faqir ila Allah,


ABDUL HADI AWANG

Masjid Rusila,

Marang, Terengganu Darul Iman.

1

**MEMAHAMI
HAKIKAT
IKHLAS**





HAKIKAT IKHLAS DALAM KEHIDUPAN

Ikhlas merupakan suatu perbuatan yang menghadirkan niat dalam amalan, perkataan, dan keadaan sama ada secara nyata mahupun tersembunyi. Perkara ini menunjukkan bahawa ikhlas itu perlu diniatkan supaya pelakunya akan mendapat pahala.

Perkara yang berkaitan dengan ibadat perlu disertai niat untuk menjamin perbuatan tersebut sah pada hukumnya. Sebaliknya, sesuatu ibadat yang dilakukan tanpa disertai niat akan menjadi sia-sia. Sebagai contoh, seseorang meniru perbuatan orang lain tanpa niat, maka sia-sialah perbuatan tersebut.

Menurut Mazhab al-Syafi'i, niat ditakrifkan sebagai:


قَصْدُ الشَّيْءِ مُقْتَرِنًا بِفِعْلِهِ.

"Niat ialah menetapkan maksud sesuatu disertai dengan perbuatannya (pada masa yang sama)."

**Badr al-Din al-Zarkashi, al-Manthur fi al-Qawa'id
al-Fiqhiyyah, jld. 3, ms. 284**

Adapun mazhab-mazhab selain daripada Imam al-Syafi'i menyatakan bahawa niat boleh ditetapkan untuk sesuatu perbuatan tanpa segera melakukannya. Bahkan, niat dan perbuatan tersebut sah hukumnya. Perbezaan pendapat yang berlaku menunjukkan perkara ini termasuk dalam aspek furu' (cabang) yang sering kali menjadi kekhilafan dalam ijtihaad.





Imam al-Ghazali RH juga pernah menyatakan bahawa sekiranya terdapat sedikit kesilapan yang tidak disengajakan, maka sesuatu perkara tersebut dibolehkan. Perbezaan ini muncul disebabkan berlakunya khilaf dalam perbincangan antara ulama'. Justeru, umat Islam digesa supaya tidak berbalah sesama sendiri hanya disebabkan perbezaan tersebut dan jangan menyebabkan penyakit waswas iaitu diganggu oleh syaitan.


Sekiranya kita memegang takrif yang menuntut supaya niat perlu segera disusuli dengan perbuatan, maka perkara ini tidak terpakai dalam ibadat puasa. Hal ini demikian kerana, situasi tersebut boleh mendatangkan kesusahan atau tidak mampu dilaksanakan oleh umat Islam disebabkan perlu menetapkan niat untuk berpuasa setiap kali sebelum masuknya waktu Subuh. Bahkan, Mazhab Imam al-Syafi'i RH menyatakan bahawa perkara ini dikira sebagai *masyaqqah* (kesukaran).

Perkara yang perlu diutamakan ialah *qasad* iaitu menetapkan niat untuk melakukan sesuatu perbuatan. Jika dalam perkara ibadat, niat merupakan syarat dan rukun yang mesti dilaksanakan bagi menjamin hukum ibadat tersebut sah. Akan tetapi, sekiranya tidak diniatkan ke atas sesuatu ibadat yang dilakukan, maka hukum bagi ibadat tersebut adalah tidak sah, bahkan pelakunya tidak akan diberikan pahala.

Selain itu, umat Islam juga turut diingatkan supaya tidak terkeliru dengan perasaan waswas berkenaan dengan niat. Kebiasaannya, perasaan tersebut akan mengganggu pelakunya walaupun mereka sudah menetapkan niat, sedangkan waswas itu datang daripada syaitan. Umat Islam seharusnya meneruskan sahaja perbuatan yang sedang dilaksanakan tanpa menghiraukan perasaan waswas yang tiba-tiba muncul.

Secara fitrahnya, setiap manusia yang sihat serta waras akal dan pemikirannya pasti telah menetapkan niat bagi setiap perbuatan yang dilakukan oleh mereka. Perkara ini





terkecuali kepada manusia yang gila, tidak siuman, dalam keadaan tidak sedar, atau fidur. Mereka yang tergolong dalam golongan ini akan menuturkan apa sahaja tanpa sedar dan tanpa niat.

Oleh sebab itu, secara logiknya jika seseorang itu berwuduk, maka secara sendirinya mereka telah menetapkan niat untuk solat-solat tertentu sepertimana yang dihajatkan. Sebagai contoh, seseorang itu telah menetapkan niat untuk solat Maghrib ketika waktu maghrib dan solat Zuhur ketika waktu zuhur.

Adapun dalam contoh yang lain, seseorang yang sedang makan pasti menyedari akan makanan yang sedang dimakan. Mereka tidak akan melafazkan niat secara zahir terlebih dahulu sebelum makan, malah mereka akan terus makan.

Walau bagaimanapun, terdapat lafaz niat yang dinyatakan dalam kitab seperti "*sahaja aku solat yang sekian dengan rakaat yang sekian kerana Allah Taala*" merupakan terjemahan kepada niat (bukan hakikat niat). Perkataan 'sahaja' dalam lafaz tersebut merujuk kepada perbuatan solat yang dilakukan dengan sengaja. Setiap umat Islam yang mengerjakan solat pasti telah menetapkan niat bagi solat tersebut.

Umat Islam sering kali dilihat mengalami masalah dalam perkara yang berkaitan dengan niat. Keadaan ini disebabkan oleh masalah pemahaman yang timbul semasa mempelajarinya.

Selain itu, masalah ini juga disebabkan oleh guru atau individu yang bertanggungjawab sebagai pengajar tidak mendalami permasalahan tersebut dengan lebih terperinci. Akibatnya, mereka yang mengajar dan yang diajar sentiasa bermasalah dengan perkara yang berkaitan dengan niat, sehingga dirasuk dengan waswas yang ditimbulkan oleh syaitan.



Seterusnya, sebarang perbuatan keduniaan yang baik lalu disertakan dengan niat yang baik, akan diberikan pahala oleh Allah SWT. Mereka yang menunjukkan contoh dan teladan yang baik kerana Allah SWT, akan dikurniakan pahala sekiranya perbuatan tersebut menjadi ikutan masyarakat.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ
إِنْسَانٌ أَوْ بَيْمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ.

“Tidaklah seorang Muslim menanam pohon atau tanaman, lalu tanaman tersebut dimakan oleh manusia, burung atau haiwan ternakan, melainkan hal itu bernilai sedekah baginya.”

Riwayat al-Bukhari 2320 dan Muslim 1553

Berdasarkan hadis di atas, manusia yang mengerjakan tanaman dan kemudiannya mereka menjual hasil tanaman tersebut kepada manusia lain untuk dijadikan makanan, maka mereka akan memperoleh dua perkara, iaitu ganjaran keuntungan di dunia dan juga pahala di akhirat sekiranya niat mereka untuk kebaikan.

Antara contoh niat yang baik ialah bekerja dengan tujuan untuk memberikan nafkah kepada isteri dan anak atau memberikan kesenangan kepada masyarakat. Semua golongan yang terlibat dalam kerja-kerja yang sedemikian tidak akan terlepas daripada mendapat pahala. Selain itu, disebutkan juga bahawa setiap sendi yang berdenyut dan gerak-geri yang dilakukan berlandaskan niat yang baik akan dikurniakan pahala.

Akan tetapi, sekiranya seseorang itu hanya menanam tanaman tersebut tanpa sebarang niat yang jelas, maka dia tidak akan diberikan pahala. Hal ini sama dengan perbuatan yang dilakukan dengan niat yang tidak baik.

Contohnya, seseorang itu melakukan perkara kebaikan di hadapan orang ramai dengan niat untuk menunjuk-nunjuk. Setiap perkara yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh, sedangkan hanya bertujuan untuk riya' (menampakkan diri) sebagai seorang yang warak dan beragama, maka tiadalah pahala buatnya walaupun perbuatan tersebut merupakan ibadat yang wajib seperti solat dan haji.

Berdasarkan perkara tersebut, beruntunglah mereka yang tidak menjadi tumpuan orang. Hal ini demikian kerana, hati mereka bersih daripada niat untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain. Situasi ini pula berbeza dengan mereka yang mempunyai pangkat dan kedudukan yang tinggi, bahkan golongan ini akan sentiasa diberikan perhatian oleh masyarakat.


Oleh itu, setiap umat Islam hendaklah sentiasa memperbaharui niat dalam hati agar Allah SWT dapat menerima amalan yang dilakukan serta diberikan ganjaran pahala. Firman Allah SWT:

﴿ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ... ﴾

"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid..."

Surah al-Bayyinah: 5

Berdasarkan ayat di atas, golongan Ahli Kitab dan Musyrikin diperintahkan supaya beribadat hanya kepada Allah SWT sahaja serta tidak mengadakan tuhan-tuhan yang lain.



Mereka juga diperintahkan agar mengamalkan kehidupan dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT semata-mata.

Perkara ini termasuklah soal makan dan minum, rumah tangga, perniagaan, bercucuk tanam, menangkap ikan, serta pemerintahan di dalam dan luar negara. Semuanya perlu diselaraskan dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Allah SWT juga turut menegaskan agar tidak menyekutukan-Nya, bahkan hanya mengesakan-Nya sahaja. Hal ini sebagaimana kisah yang telah banyak diceritakan iaitu berkenaan dengan Nabi Ibrahim AS.

Baginda AS tetap berusaha untuk menegakkan agama Tauhid walaupun terpaksa melalui pelbagai cabaran, umpamanya dihalau dan diusir oleh bapa Baginda sendiri, termasuklah oleh Raja Namrud. Sehingga, Nabi Ibrahim AS bersama isteri dan pengikut-pengikutnya terpaksa berhijrah ke negeri lain.

Demikianlah maksud perkataan *hunafa'*, iaitu menegakkan Tauhid dan menolak kesyirikan serta sanggup menghadapi ujian dan cabaran. Firman Allah SWT:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ النُّقُوى مِنْكُمْ

﴿٣٧﴾ ...

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal ikhlas yang berdasarkan taqwa daripada kalian...”

Surah al-Hajj: 37

Berdasarkan ayat di atas, perbuatan menyembelih binatang korban bukanlah bertujuan untuk mempersembahkan daging mahupun darah binatang tersebut kepada Allah SWT. Akan tetapi, perbuatan tersebut perlu disertakan dengan taqwa dan kepatuhan bersama-sama hati yang ikhlas.

Sebagai orang Islam yang melaksanakan ibadat korban, hendaklah dengan niat kerana Allah SWT serta akan memberi makan daging korban itu kepada orang ramai. Sesungguhnya, darah binatang korban yang menitis ke bumi akan menjadi saksi kepada perbuatan tersebut.

Darah tersebut tidak boleh diminum kerana akan mendatangkan mudarat dan penyakit. Begitu juga dengan najis binatang tersebut yang boleh mendatangkan penyakit kepada manusia dan hanya sesuai untuk dijadikan sebagai baja tanaman. Hanya dagingnya sahaja yang boleh dimakan.

Keadaan ini bertentangan dengan amalan yang dilakukan oleh golongan Musyrikin. Mereka melakukan perbuatan syirik seperti memberi makan kepada syaitan atau jin lalu dipuja. Sebagai contoh, mereka menghanyutkan makanan seperti pulut kuning ke tengah laut dengan harapan makanan tersebut akan menjadi santapan tuhan.


Firman Allah SWT:

﴿قُلْ إِنْ تَخْفَوْنَ مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ بُدُّوهُ يَعْلَمَهُ اللَّهُ...﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika kalian menyembunyikan apa yang ada dalam dada kalian atau kalian melahirkannya, nescaya Allah mengetahuinya...”

Surah Ali 'Imran: 29


HAKIKAT IKHLAS DALAM KEHIDUPAN



Berdasarkan ayat di atas, semua perkara yang berada dalam pemikiran, perasaan, atau perkataan yang dinyatakan kepada orang lain tidak ada bezanya di sisi Allah SWT. Bahkan, Allah SWT mengetahui setiap sesuatu yang nyata mahupun yang tersembunyi.

Hal ini demikian kerana, semuanya ialah ciptaan Allah dan berada dalam pengetahuan-Nya. Sesungguhnya, perkara tersebut bukanlah sesuatu yang ganjil bagi-Nya.






“Sebarang perbuatan keduniaan yang baik lalu disertakan dengan niat yang baik, akan diberikan pahala oleh Allah SWT. Mereka yang menunjukkan contoh dan teladan yang baik kerana Allah SWT, akan dikurniakan pahala sekiranya perbuatan tersebut menjadi ikutan masyarakat.”

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



2

**PESAN-
PESAN
IKHLAS**



Pesan-Pesan IKHLAS

شرح حديث رياض الصالحين

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

SINOPSIS

Buku ini merupakan siri terbaru 'Al-Bayanul Mubin Syarah Riyadus Solihin' yang menghuraikan hadis-hadis 'Bab Ikhlas' daripada kitab 'Riyadus Solihin'. Penulis menghuraikan hadis tersebut dalam Kuliah Dhuha beliau yang diadakan setiap pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang. Pemilihan kitab hadis tersebut disebabkan kewibawaan ilmu al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RH yang diterima oleh pelbagai mazhab aqidah, fiqh mahupun tasawuf.

Menerusi karya kali ini, penulis menghadirkan pesan Rasulullah SAW tentang keutamaan sifat ikhlas bagi membentuk keperibadian mulia setiap Muslim. Pada masa yang sama, sifat ikhlas juga menjadi prasyarat penerimaan segala amalan soleh oleh Allah SWT. Mudah-mudahan, untaian nasihat dan ilmu yang divedok daripada kalam nabawi menjadi panduan buat semua lapisan pembaca agar lebih cinta dan kasih dengan Rasulullah SAW, sekali gus menjadi Mukmin yang terbaik.

SEM. MALAYSIA: RM 25
SABAH SARAWAK: RM 27

ISBN 978-967-19111-6-7



9 789671 911167

